

Dana Rumah Mampu Milik

Pembeli mampu jimat sehingga RM257 sebulan

Lebih hasil penjimatan boleh diguna tampung perbelanjaan harian keluarga

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembeli rumah pertama yang memohon pembiayaan Dana Rumah Mampu Milik RM1 bilion, mampu menikmati penjimatan sehingga RM257 sebulan, sekali gus meningkatkan pendapatan boleh guna mereka.

Penjimatan itu berdasarkan kiraan pembelian sebuah rumah berharga RM300,000 dengan pembiayaan menggunakan skim yang diperkenalkan Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun lalu itu, yang mana jumlah ansuran bulannya ialah RM1,163.

Sebagai perbandingan, untuk kediaman pada harga yang sama, jika pembeli memohon skim pembiayaan komersial yang ditawarkan institusi kewangan, jumlah ansuran bulanan ialah RM1,420.

Perunding Hartanah, Dr Azizul Azli Ahmad, berkata perbezaannya kedua-duanya ialah RM257, yang mana wang lebih hasil



Pemohon pembiayaan Dana Rumah Mampu Milik dapat tingkat pendapatan boleh guna selepas ini. (Foto hiasan)

penjimatan itu boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan harian individu atau keluarga berkenaan.

Kiraan itu berpandukan syarat BNM yang mana untuk dana itu, kadar pembiayaan yang ditetapkan ialah sebanyak 3.5 peratus setahun, tempoh pembiayaan sehingga 40 tahun dan kelayakan pendapatan maksimum bulanan isi rumah sebanyak RM4,360.

"Bagi skim pembiayaan komersial lain, kadar pembiayaan bergantung kepada setiap institusi kewangan, namun dalam kes ini kita andaikan kadarnya ialah 4.5 peratus dan tempoh pembiayaan ialah 35 tahun.

"Margin pembiayaan untuk kedua-duanya pula ialah 100 peratus

yang mana pembeli tidak perlu mengeluarkan deposit 10 peratus seperti kebiasaan dan semua yuran guaman pula adalah percuma ditanggung oleh pemaju," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bagi kediaman berharga RM250,000 pula, katanya, pembeli untuk skim dana berkenaan perlu membayar RM970 dan RM775 bagi rumah berharga RM200,000.

Sebagai perbandingan, katanya, bayaran ansuran yang perlu dibayar jika memohon pembiayaan komersial lain ialah RM1,185 dan RM950 untuk kediaman, masing-masing berharga RM250,000 dan RM200,000.

"Perbezaan bayaran ansuran bagi kedua-dua situasi ini di an-

tara RM175 hingga RM215 sebulan," katanya.

Kelmarin, BNM mengumumkan penambahbaikan kriteria kelayakan dan ciri Dana Rumah Mampu Milik RM1 bilion, apabila menaikkan kelayakan pendapatan maksimum bulanan isi rumah kepada RM4,360 berbanding RM2,300 sebelum ini.

Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, berkata penambahbaikan itu bagi membantu pembeli rumah berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama.

Penambahbaikan juga, katanya membabitkan had harga maksimum rumah layak dibiayai dinaikkan kepada RM300,000 berbanding RM150,000 sebelum ini.

'Bantu kurang bayar ansuran 20 peratus'

Putrajaya: Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan kelayakan pendapatan maksimum bulanan isi rumah bagi permohonan Dana Rumah Mampu Milik kepada RM4,360 berbanding RM2,300 sebelum ini dapat mengurangkan bayaran ansuran bulanan peminjam sehingga 20 peratus.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata pemohon yang berjaya akan menikmati kadar faedah rendah pada kadar 3.5 peratus setahun dengan tempoh pinjaman 40 tahun, berbanding 30 tahun sebelum ini.

"Ini memudahkan mereka mendapatkan pinjaman. Ia antara langkah dimulakan kerajaan sebelum pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober depan," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat Kumpulan Fokus Belanjawan 2020 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Berhubung dakwaan kononnya inisiatif perlindungan insurans MySalam sebagai skim cepat kaya dan menguntungkan syarikat insurans serta takaful, Great Eastern, Guan Eng berkata ia tidak benar kerana syarikat berkenaan menyumbangkan wang RM2 bilion bagi skim terbabit.

"Saya tidak faham bagaimana boleh menguntungkan apabila dia (Great Eastern) yang sumbang wang," katanya.